

USIM pelopor Kor Suksis Negeri Sembilan

Oleh ZUARIDA MOHYIN << Gambar KAMARUL SYAMZARI (JURUFOTO USIM)

KALAU 10 tahun dahulu semua pihak termasuk majikan lebih melihat kepada pencapaian akademik para graduan terutamanya pada sesi temuduga. Hakikatnya cemerlang dalam akademik semata-mata bukan lagi penguji kepada kemampuan mahasiswa dalam arena pekerjaan.

Sekarang, antara kelemahan graduan yang diperkatakan termasuklah tidak berketerampilan dan tidak memiliki kemahiran. Khususnya kemahiran insaniah sebagaimana yang dituntut oleh majikan, di samping pasaran kerja yang kompetitif.

Kemahiran insaniah (*soft-skills*) ini merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik. Antaranya keupayaan berkomunikasi, bekerja secara berkumpulan, berunding, berfikir secara kritikal, mempunyai etika diri yang tinggi dan ciri-ciri kepimpinan.

Lantaran itu, tegas Komandan Kor Suksis, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Asisten Komisioner (Kehormat), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah, penglibatan mahasiswa dalam Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) adalah sejajar dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi, bahawa semua graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu memiliki kemahiran insaniah sebagaimana yang diutamakan oleh bakal majikan.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM berkata, universiti itu adalah IPTA pertama dipilih menubuhkan Kor Suksis di Negeri Sembilan. Ia terletak di bawah unit kokurikulum beruniform



DR. MOHAMED ASIN
DOLLAH

selain JPA 3 dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

Katanya, ia adalah kursus wajib yang bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan dan berdisiplin ala kepolisan, patuh kepada perintah serta arahan kerana ia penting bagi bergelar warganegara yang baik.

"Di samping memperoleh kemahiran insaniah, para pelatih turut memiliki ketahanan fizikal, mental serta mempunyai personaliti bersesuaian dengan peranan mereka sebagai seorang Pegawai Kor Suksis Polis.

"Selain itu, mereka juga mendapat pengetahuan tentang undang-undang dan penguatkuasaan, memiliki sikap serta amalan disiplin kepolisan, mampu memainkan peranan dan bertanggungjawab dengan cekap dan berkesan ke arah mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik polis dan masya-

rakat," jelasnya.

Malah pelatih yang berjaya menamatkan jangkamasa kursus iaitu selama enam semester atau tiga tahun, akan diberi pilihan untuk meneruskannya dalam pasukan PDRM yang dilantik sebagai Cif Inspektor.

"Ia dibuat tanpa melalui proses temuduga atau mereka boleh bekerja di sektor lain bergantung dengan bidang pengajian, minat serta peluang kerjaya yang ada pada masa itu," katanya yang ditemui di USIM, baru-baru ini.

Pelantikan

Tambah beliau, Kor Suksis ditubuhkan pada 1 Julai 2006. Pengambilan pelatih dibuat pada Ogos tahun lalu dan seterusnya proses pelantikan serta sesi latihan dimulakan pada September tahun yang sama.

Kini Skwad 1/06 merangkumi seramai 64 anggota yang dibahagikan kepada dua platoon, 31 anggota lelaki dan 33 anggota perempuan.

Kata Mohamed Asin, penerapan nilai kepolisan di kalangan peserta menjadi keutamaan. Ia supaya setiap peserta dapat memberikan keterampilan dan ketahanan mental serta disiplin yang tinggi agar menjadi contoh kepada pelajar lain serta menarik minat pelajar baru menceburi bidang ini.

Beliau berkata, setiap pelatih melalui latihan akademik dan latihan luaran yang meliputi 360 waktu. Ia meliputi pengenalan perundangan, bina diri dan kenegaraan adalah antara pecahan di

bawah latihan akademik.

Latihan luaran pula merangkumi, kawad, latihan senjata, pertolongan cemas, khidmat masyarakat, rentas halangan, lawatan dan ujian penilaian. Menariknya, sepanjang mereka mengikuti latihan, para pelatih ini mendapat elaun sebanyak RM3 sejam.

"Menerusi pemerhatian saya, para pelatih ini menunjukkan sikap positif dari segi ketepatan masa dan perubahan ini wajar diberi pujian. Ini kerana merekalah yang bakal menjadi barisan pelapis Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada masa akan datang dan meramaikan golongan profesional dalam pasukan PDRM".

"Di samping latihan kepolisan yang diikuti, anggota Kor Suksis USIM juga dipastikan memiliki pencapaian akademik yang tinggi. Anggota yang tidak menunjukkan prestasi cemerlang, akan diberi nasihat dan bimbingan supaya mereka boleh muncul sebagai pelajar cemerlang," kata Mohamed Asin.

Sementara itu, menurut Ajutan Suksis USIM, Deputy Supritendan (Kehormat) Arshad Hamzah, pelajar yang menyertai kor ini mempunyai disiplin yang tinggi kerana latihan yang diikuti banyak menekankan kepada peraturan dan undang-undang.

Di samping itu, Kor Suksis juga dapat membentuk semangat setiakawan di antara mereka serta cemerlang dalam akademik walaupun terpaksa menjalani latihan.

Aktiviti USIM

- Seminar warisan Nabawi (SWAN) 2007 pada 11 dan 12 Julai 2007 di Palm Garden, Hotel IOI Resort, Putrajaya, Selangor. Laman web seminar ialah <http://www.usim.edu.my/swan>
- 2nd Islamic Economics Conference dari 17 hingga 19 Julai 2007. Layari laman web iecons2007@gmail.com
- Pertandingan Debat Alam Sekitar 2007 pada 27 hingga 31 Julai 2007 anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia.
- 3rd Tuanku Najihah Syariah and Law Lecture pada 16 Ogos 2007. Laman web; <http://www.usim.edu.my>
- Konvensyen Kebangsaan Undang-Undang: Isu-Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan pada 28 - 29 Ogos 2007 di Hotel Pan Pacific KLIA. Laman web <http://www.usim.edu.my>
- Ketua Jawatankuasa Kerja Penulisan Rencana Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-50 Tahun Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kejohanan Golf Amal Piala Tuanku Najihah 2007 pada 19 Mei 2007
- Konvokesyen ke-5 USIM pada 4 Ogos di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya (PICC)
- Penerbitan sembilan buku sempena penjenamaan semula KUIM ke USIM.



KETUA Jabatan Pengurusan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan, Supritendan Khalil Ariffin (dua dari kiri) menyampaikan amanat beliau semasa melawat pelatih Kor Suksis USIM, baru-baru ini. DSP (Kehormat) Arshad Hamzah (kiri).